

TETAP SOLAT JUMAAT

PENDUDUK di Kampung Simpangan, Tumpat menaiki sampan untuk pulang selepas menunaikan solat Jumaat apabila kawasan mereka dilanda banjir. Jumlah mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 1,836 orang membabitkan 502 keluarga, semalam berbanding 1,438, kelmarin.



Ibu batal hajat rai bayi baru

Jalani pantang di pusat pemindahan

RANTAU PANJANG: Seorang ibu terpaksa menangkahkan hasrat menunjukkan bayi barunya kepada saudara mara selepas terpaksa menghabiskan hari awal berpantang di pusat pemindahan sementara berikutan kawasan kediamannya ditenggelami banjir.

Misiah Lokman, 37, melahirkan anak keempatnya, Mohd Haikal Rayyan Mohd Zuki di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu, empat hari lalu, tetapi perjalanan pulang ke rumah kel-

marin terbantut selepas dimaklumkan kampungnya dinaiki air.

"Hajat mahu berkongsi kegembiraan bersama keluarga dan saudara mara, namun terbantut kerana kampung ditenggelami banjir sehingga memaksa kami terus ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi," katanya ketika ditemui, semalam.

Walaupun mengakui berada dalam keadaan tidak selesa, Misiah berkata, ia bukan pengalaman baru kerana dia sudah biasa dengan keadaan itu sebelum ini, bezanya kali



MISIAH menidurkan bayinya ketika ditemui di pusat pemindahan SK Gual Tinggi, Rantau Panjang, semalam.

ini suri rumah itu terpaksa berpantang di pusat pemindahan.

"Pada hari itu, suami, Mohd Zuki Mohamad, 36, membawa saya dan bayi untuk pulang ke rumah menaiki kereta kira-kira jam 5 petang, tetapi kemudian perjalanan terganggu kerana banjir. Bimbang keselamatan, kami bergegas ke SK Gual Tinggi.

"Ini pengalaman pertama berpantang di pusat pemindahan banjir. Memang tidak selesa seperti di rumah, tetapi saya sudah biasa, cuma kasihkan bayi kerana tidurnya terganggu," katanya.

Misiah berkata, setiap kali banjir, kampungnya pasti terjejas teruk dan memerlukan masa sehingga seminggu untuk air surut.

Mangsa bah Kelantan meningkat 1,836 orang

KOTA BHARU: Jumlah mangsa banjir di Kelantan melonjak kepada 1,836 membabitkan 502 keluarga semalam, berbanding 1,438 kelmarin dengan Pasir Mas mencatatkan jumlah mangsa terbesar 1,108 orang daripada 333 keluarga diikuti Kota Bharu dengan 438 mangsa membabitkan 102 keluarga.

Maklumat melalui portal rasmi eBanjir Negeri Kelantan menunjukkan sehingga jam 7 malam semalam, 23 pusat pemindahan dibuka menempatkan 465 mangsa lelaki, wanita (509), kanak-kanak lelaki (437) dan kanak-kanak perempuan (425) di enam jajahan.

Selain Pasir Mas dan Kota Bharu, jajahan yang dilanda banjir ialah Bachok membabitkan 68 mangsa, Pasir Puteh (21), Tanah Merah (162) dan Tumpat (39). Laluan terbaru ditutup kepada kenderaan ringan ialah Kilometer 3 Jalan Pohon Tanjung-Pasir Pekan, Tumpat.

Tinjauan di sekitar Kampung Simpangan Hilir, Pengkalan Kubor, Tumpat mendapati 70 penduduk terpaksa menaiki bot dan mendayung sampan menunaikan solat Jumaat selepas kawasan Masjid Mukim Simpangan Hilir ditenggelami air sedalam tiga meter.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim yang ditemui ketika melawat Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Kebangsaan Sri Rantau Panjang 2, mengingatkan mangsa banjir membawa dokumen penting dan barangan berharga ketika berpindah bagi mengelak kecurian.

Di KUANTAN, sebelas orang daripada dua keluarga dari Kampung Chendor Baru yang menjadi kumpulan pertama di daerah ini dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di balai raya kampung berkenaan kelmarin, belum dibenarkan pulang berikutan penempatan mereka masih ditenggelami air sedalam kira-kira setengah meter.

Sementara itu, lebih 500 penduduk Kampung Kuala Kenau Seberang, Kampung Sungai Mas dan Kampung Kawah di Sungai Lembing yang terputus hubungan apabila jambatan ditenggelami air Selasa lalu, sudah boleh menggunakan kemudahan itu.

Di KUALA TERENGGANU, jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di Terengganu sehingga jam 6 petang semalam terus berkurang kepada 696 orang berbanding 1,149 kelmarin selepas 453 mangsa dibenarkan pulang.

Jurucakap Bilik Gerakan Bencana Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, berkata 10 pusat pemindahan di Setiu menempatkan 553 mangsa daripada 140 keluarga, menjadikannya daerah paling teruk dilanda banjir di negeri ini.

Selain itu, 73 mangsa daripada 18 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan di Kemaman; 34 mangsa daripada 10 keluarga di Marang; 29 mangsa daripada lima keluarga di Kuala Terengganu.

Pengurusan Piala Monsun bantu mangsa banjir

Pengerusi T-Best Events, Tan Sri Sabbaruddin Chik (bertopi) bersama Ketua Pegawai Eksekutif World Match Racing Tour (WMRT), Jim O'Toole (kiri) dan Pengarah Jualan WMRT, Matt Strachan menyampaikan bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak, tepung, gula, kopi dan sardin kepada 75 mangsa banjir daripada 15 keluarga di pusat pemindahan di Setiu, Terengganu, semalam. Semua mangsa banjir di pusat berkenaan turut dijamu dalam sesi minum teh oleh Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa.



Budak lelaki 8 tahun lemas jatuh lubang pasir

PERMAISURI: Seorang kanak-kanak lapan tahun dari Penempatan Rumah Rakyat Termiskin (PPRT) Rhu Tapai, Merang, di sini maut selepas dipercayai terjatuh ke dalam lubang pasir sedalam 2.5 meter yang dipenuhi air akibat banjir, petang kelmarin.

Mayat Mohd Syamirul Aiman ditemui jam 2.30 petang dalam lubang pasir yang dikorek penduduk kampung untuk mengambil pasir dan

terletak 800 meter dari rumahnya. "Hancur hati saya melihat tubuhnya kaku kebiru-biruan sebaik saja dibawa naik," kata Che Kamariah Mohamad, 52, nenek kanak-kanak itu sambil menambah dia hanya menyedari kehilangan mangsa kira-kira jam 2 petang sebelum bergegas ke tempat kejadian.

"Saya tidak sedar bila arwah keluar bermain bersama rakannya kerana dia masih berada di rumah

menonton televisyen kira-kira jam 11 pagi. Memang terkejut dimaklumkan arwah terjatuh ke dalam lubang pasir apatah lagi dia tidak pernah bermain di sana sebelum ini.

"Bila sampai di tempat kejadian, saya tidak sedap hati melihat basikal dan seliparnya di tepi lubang berkenaan. Kira-kira jam 2.30 petang, seorang kanak-kanak berusia 10 tahun masuk ke dalam lubang itu

dan menemui cucu yang sudah tidak bernyawa," katanya.

Che Kamariah berkata, mangsa dibawa ke Pusat Kesihatan Wakaf Tengah dan kakitangan pusat berkenaan mengesahkan Mohd Syamirul Aiman sudah meninggal dunia sebelum jenazah arwah dibawa ke Hospital Setiu bagi bedah siasat dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Rhu Tapai, kira-kira jam 11.30 pagi semalam.